

Najib fail petisyen mohon pengampunan diraja

Penghakiman menentang oleh Hakim Besar Sabah dan Sarawak akan dimasukkan dalam permohonan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lurtipur: Datuk Seri Najib Razak akan mengemukakan penghakiman menentang oleh Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Datuk Abdul Rahman Sebli kepada Yang di-Pertuan Agong dalam permohonan petisyen pengampunannya.

Bekas perdana menteri itu memfailkan petisyen pengampunan di bawah Perkar a 42 Perlembagaan Persekutuan (PP) pada 2 September 2022, susulan Mahkamah Persekutuan mengekalkan sabitan dan hukuman 12 tahun penjara serta denda RM210 juta selepas didapati bersalah menyeleweng dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd.

Peguamnya, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, berkata dalam permohonan petisyen pengampunan, pihaknya me-



Najib akan menghantar permohonan pengampunan diraja kepada Yang di-Pertuan Agong.

nyatakan Najib tidak diberikan percaraan yang adil dan rayuannya langsung tidak didengar di Mahkamah Persekutuan pada 23 Ogos tahun lalu serta panel hanya mendengar hujahan pendakwaan (sebelah pihak).

Hantar penghakiman raajorkl

Muhammad Shafee berkata, penghakiman menentang itu sudah dimasukkan dalam permohonan untuk mendapatkan pengampunan diraja dan ia akan dihantar

kepada Agong minggu ini.

“Permohonan (petisyen pengampunan) ini sama seperti apa yang Hakim Abdul Rahman nyatakan dalam penghakimannya.

“Kami akan hantar penghakiman ini kepada Yang di-Pertuan Agong untuk dibaca. Kami juga akan hantar penghakiman majoriti untuk dilihat bagi perbandingan.”

“Hakim kanan (Abdul Rahman) bersetuju dengan kedudukan pembelaan, dan oleh itu Yang

di-Pertuan Agong harus digalakkan untuk melihat bahawa terdapat juga aspek ini untuk dipertimbangkan dalam permohonan pengampunan itu,” katanya.

Muhammad Shafee berkata demikian kepada pemberita selepas prosiding sebutan kes pecah amanah dihadapi Najib dan bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah.

Dalam penghakimannya 31 Mac lalu, Abdul Rahman berkata, panel lima hakim Mahkamah Persekutuan yang mendengar rayuan akhir Najib gagal memberikan keputusan yang saksama kerana beliau dinafikan hak untuk mendapat percaraan yang adil.

Abdul Rahman yang memengerusikan panel lima hakim dalam permohonan semakan Najib, berkata sehubungan itu perintah sewajarnya yang diberikan adalah Najib dilepas dan dibebaskan daripada semua kesalahan yang dikenakan ke atasnya.

Bagaimanapun empat lagi hakim dalam panel iaitu Datuk Vernon Ong Lam Kiat bersama-sama Datuk Rhodzariah Bujang serta Datuk Nordin Hassan termasuk Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Abu Bakar Jais menolak permohonan kebenaran Najib untuk menyemak keputusan rayuan akhir itu.